



Pengurusan Hutang Berteraskan Islam

Mohd Shukri Hanapi

Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia

Amalan berhutang sukar dihindari oleh sesetengah individu, kerana mereka beranggapan hanya dengan berhutang segala keperluan dan keinginan hidup akan tercapai. Jika dilihat senario kehidupan masyarakat hari ini, ada yang berhutang dengan tujuan kebaikan dan keperluan, seperti menampung kos pengajian, pembiayaan perumahan, kenderaan dan modal perniagaan. Di samping itu, ada pula sesetengah orang berhutang semata-mata untuk kemewahan akibat daripada gaya hidup yang sentiasa meningkat.



Lebih membimbangkan apabila amalan berhutang ini menyebabkan si penghutang terjebak dengan masalah sosioekonomi yang lebih besar, iaitu kegagalan mengurus kewangan dengan baik sehingga membawa kepada muflis. Sekiranya dibiarkan berterusan, permasalahan ini akan memberikan kesan kepada diri mereka, keluarga dan juga negara. Antara faktor utama yang menyumbang kepada timbulnya masalah ini termasuklah pengurusan kewangan yang lemah. Hal ini sekali gus membawa kepada tabiat berbelanja melebihi gaji bulanan atau pendapatan, dan diselubungi bebanan hutang pada usia muda.

Dalam Islam, tidak ada nas yang menggalakkan supaya berhutang. Walau bagaimanapun, terdapat ayat al-Quran dan hadis yang menyatakan bahawa tidak salah jika seseorang itu hendak berhutang. Menerusi ayat 282 *Surah al-Baqarah*, Islam telah meletakkan beberapa garis panduan terutama tentang keperluan mencatat dan merekodkan segala hutang yang dilakukan. Hal ini bagi mengelakkan si penghutang lupa atau lari daripada tanggungjawab membayarnya.

Selain itu, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang meminjam harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan menunaikan niatnya itu. Namun begitu, sesiapa yang meminjam dengan niat akan merugikannya (dengan tidak membayar), maka Allah akan merugikannya." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Orang yang mati dalam keadaan berhutang tidak akan dapat memasuki syurga sehingga hutangnya selesai dibayar. Diriwayatkan daripada Muhammad bin Jahsy bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Demi Tuhan yang diriku di tangan-Nya, jika seseorang lelaki itu terbunuh di jalan Allah, kemudian dia dihidupkan semula, kemudian dia terbunuh lagi, kemudian dia dihidupkan lagi, kemudian dia terbunuh lagi dalam keadaan dia menanggung hutang, dia tetap tidak akan dapat masuk syurga selagi hutangnya belum dibayar." (Hadis riwayat al-Nasa'i).

Jelaslah bahawa berhutang dari perspektif Islam merupakan perkara yang tidak baik dan perlu dijauhi, kecuali dalam keadaan kesempitan yang amat sangat. Jika seseorang itu terpaksa berhutang atas keperluan tertentu, maka dia hendaklah berazam dan berniat untuk membayarnya. Amat mendukacitakan apabila terdapat segelintir masyarakat hari ini yang mengabaikan kewajipan membayar hutang. Banyak tindakan undang-undang dikenakan ke atas penghutang yang tidak membayar hutang dalam tempoh yang ditetapkan. Berkemungkinan mereka tidak berkemampuan membayar balik hutang (hutang melebihi pendapatan), ataupun disebabkan kejahilan mereka mengenai hutang dari perspektif Islam.


Bagi orang yang berhutang, tetapi enggan membayar hutangnya sedangkan mereka mampu untuk membayarnya, maka mereka termasuk dalam golongan yang memakan harta milik orang lain secara batil.

Hutang perlu dijelaskan dengan segera. Sesiapa yang tidak menghiraukan hutangnya sehingga menyebabkan hutang tersebut tertanggung terlalu lama akan menyebabkan kesusahan kepada pemiutang. Hal ini juga akan merenggangkan hubungan antara kedua-dua belah pihak.

Perbuatan sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang sedangkan berkemampuan untuk membayarnya merupakan satu kezaliman. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. katanya, "Sesungguhnya Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, 'Penangguhan membayar hutang oleh orang kaya adalah perbuatan zalim.'" (Hadis riwayat al-Bukhari).

Meskipun pada hari ini peluang untuk berhutang itu sangat mudah, seperti melalui penggunaan kad kredit, namun seboleh-bolehnya elakkanlah amalan berhutang kerana hal tersebut boleh menjejaskan kebahagiaan dan keharmonian hidup, malah boleh membawa keburukan kepada diri sendiri. Seseorang yang menanggung beban hutang yang banyak akan menyebabkan jiwa dan fikirannya tidak tenteram. Dia bukan sahaja memikirkan cara untuk membayar hutangnya, tetapi berasa risau dan takut dengan tindakan undang-undang jika hutangnya itu tidak





“Keharusan berhutang bagi memenuhi keperluan asas ini boleh dikaitkan dengan tujuan maqasid syariah, iaitu untuk menjaga kepentingan ummah.”

dapat diselesaikan. Situasi ini menghantui fikirannya. Keadaan demikian itulah yang dikatakan oleh syarak sebagai *al-hamm*, iaitu keadaan rusing dan risau yang ada dalam diri dan fikiran seseorang sehingga menyebabkan hidupnya tidak tenteram dan tenang.

Sekiranya seseorang itu tiada pilihan lain dan terpaksa berhutang, maka ikutilah garis panduan berhutang yang dianjurkan oleh Islam. Pastikan hutang yang dibuat mengikut kemampuan dan keperluan utama. Elakkan daripada berhutang mengikut nafsu dan kemahuan yang tidak terhad. Islam telah meletakkan garis panduan asas berdasarkan prinsip maqasid syariah untuk membuat pilihan mengenai hutang agar termasuk dalam hutang yang baik, dan bukannya hutang yang buruk.

Persoalan hutang ini sebenarnya ada kaitan rapat dengan dua persoalan utama, iaitu taraf ekonomi dan corak perbelanjaannya. Bagi yang kurang bernasib baik dan tiada pilihan yang boleh diambil, mungkin mereka terpaksa menggunakan pendekatan hutang untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Dalam hal ini, mungkin seseorang itu terpaksa berhutang melalui jenis pembiayaan tertentu untuk membeli barangan keperluan asas harian seperti makanan, ubat-ubatan, rumah, kenderaan dan pendidikan. Di sini ada keharusan untuk berbuat demikian.

Keharusan berhutang bagi memenuhi keperluan asas ini boleh dikaitkan dengan tujuan maqasid syariah, iaitu untuk menjaga kepentingan ummah. Sekiranya aspek dalam maqasid syariah, seperti *daruriyyah* (keperluan asas), *hajiyyah* (keperluan biasa) dan *tahsiniyyah* (keperluan keselesaan) dapat diaplikasikan ketika berhutang, maka si penghutang tidak akan terpesong daripada landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Malah, tidak akan timbul masalah seperti keberhutangan yang serius, enggan membayar hutang, muflis dan bankrap.

Kebanyakan ulama seperti Imam al-Haramayn, al-Ghazali, Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim dan Abu Ishak al-Syatibi membahagikan maqasid syariah kepada tiga

bahagian, iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Walau bagaimanapun, secara lebih khusus lagi terdapat pengkaji yang membahagikannya kepada empat bahagian, iaitu barang keperluan asas (*daruriyyah*), barang keperluan biasa (*hajiyyah*), barang keperluan keselesaan (*tahsiniyyah*) dan barang keperluan kemewahan. Namun begitu, Surtahman Kastin Hasan dalam bukunya, *Ekonomi Islam* telah menambah satu lagi pembahagian, iaitu barang berbahaya atau merosakkan.

Keperluan *daruriyyah* merujuk hutang untuk memenuhi segala keperluan asas manusia yang mesti dipenuhi dengan memelihara lima perkara, iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Dalam hal ini, hutang yang diharuskan untuk keperluan hidup adalah seperti mendapatkan makanan dan minuman bagi menjaga maslahat nyawa; pakaian bagi menjaga maslahat agama dan kehormatan; tempat tinggal atau rumah bagi menjaga maslahat nyawa; pendidikan bagi memenuhi maslahat akal; dan keperluan untuk mendapatkan perubatan bagi tujuan maslahat nyawa.

Hutang yang dilakukan untuk memenuhi keperluan asas hidup ini diharuskan kerana maqasid *daruriyyah*. Maslahat tersebut menentukan keseimbangan antara kehidupan agama dengan keduniaan manusia. Sekiranya perkara ini tidak dipenuhi, nescaya akan berlaku kepincangan hidup manusia di dunia dan kehilangan nikmat yang abadi.

Keperluan *hajiyyah* pula merujuk hutang untuk mendapatkan sesuatu yang tidak berhubung dengan keperluan asas manusia, tetapi merupakan maslahat yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan kehidupan mereka dan memberikan keselesaan hidup. Sekiranya keperluan *hajiyyah* ini tidak dipelihara, tidaklah menjejaskan kehidupan manusia, tetapi boleh membawa kepada kesusahan dan kesempatan hidup. Perbelanjaan dalam keperluan *hajiyyah* ini kebiasaannya hanya dilaksanakan apabila keperluan *daruriyyah* juga dipelihara.



Berhutang untuk keperluan *hajiyah* yang dibenarkan adalah seperti berhutang untuk membeli kenderaan bagi memudahkan urusan dan memenuhi hajat dengan mengikut kemampuan. Meskipun begitu, umat Islam tidak dianjurkan untuk berlebihan sehingga berlakunya pembaziran kerana akan menyebabkan hilangnya keluhuran budi pekerti.

Keperluan *tahsiniiyyah* pula merupakan pelengkap yang menjadi hiasan tambahan dalam kehidupan. Dengan keberadaannya, maka kehidupan manusia akan menjadi lebih sempurna. Ketiadaannya tidak akan menyusahkan hidup manusia dan tidak akan mendatangkan kesempitan, tetapi kehidupan manusia akan terkeluar daripada adab yang terpuji yang dituntut oleh maruah dan adab umum dalam masyarakat bertamadun. Jika tidak dipelihara maslahat tersebut, kehidupan akan menjadi buruk pada pandangan akal. Al-Quran juga ada menyuruh umat Islam supaya menikmati perkara yang baik dan indah. Sebagai contoh, seseorang individu dibenarkan berhutang untuk memiliki rumah yang sesuai, dan membeli hiasan dan perkakas rumah yang cantik, kerana semua ini melambangkan ciri ketenangan dan kebahagiaan yang diharuskan dalam Islam.

Menikmati keselesaan dibenarkan dalam Islam. Agama Islam sendiri mengiktiraf keinginan semula jadi manusia yang inginkan kecantikan dan keindahan, serta perkara yang baik. Namun begitu, keinginan ini tidak melampaui batas atau membazir. Pembahagian ini sengaja dijelaskan oleh para ulama untuk membantu umat Islam menentukan keutamaan ketika melakukan ketaatan dalam hidup mereka.

Berhutang untuk keperluan kemewahan pula merujuk hutang untuk mendapatkan barang yang tidak diperlukan untuk keselesaan, tetapi kebiasaannya untuk bermegah-megah dan melampaui batas. Perbelanjaan untuk memperoleh keperluan kemewahan biasanya lebih besar daripada faedah yang dapat dinikmati. Misalnya, seseorang itu berhutang semata-mata untuk membeli kereta yang berharga jutaan ringgit. Bagi tujuan mendapatkan barang sebegini dalam kalangan pengguna yang berpendapatan sederhana atau rendah, mereka pasti perlu membuat pembiayaan atau hutang yang tinggi.

Oleh itu, hutang untuk mendapatkan barangan mewah ditegah oleh Islam kerana penggunaan barangan mewah merupakan racun yang membunuh secara perlahan-perlahan. Hal ini pasti akan

membinasakan diri sendiri, keluarga dan masyarakat, seperti berlakunya amalan rasuah, sikap malas bekerja dan kes muflis yang melanda kehidupan golongan generasi Y pada masa ini.

Hal ini selari dengan pandangan Jon Hanson dalam bukunya, *Good Debt, Bad Debt* yang mengibaratkan hutang sebagai kolesterol, iaitu hutang jika dilakukan untuk mengejar kemewahan hidup, akan mendatangkan masalah kepada individu, malah ada kalanya boleh membunuh. Sememangnya perkara yang dinyatakan oleh Jon Hanson ini ada kebenarannya. Kes jenayah yang berkaitan dengan along seperti ugutan dan bunuh diri merupakan antara kesan buruk yang timbul akibat tabiat suka berhutang untuk kemewahan semata-mata.

Berhutang untuk barang berbahaya atau merosakkan pula merujuk hutang untuk mendapatkan barang yang boleh membawa mudarat sama ada kepada penggunaannya atau masyarakat. Hutang seperti ini dilarang. Contohnya, berhutang untuk membuka perusahaan sesuatu yang memabukkan dan menghancurkan budi pekerti seperti dadah, arak dan pusat perjudian. Perkara ini dilarang dalam Islam kerana akan menghilangkan kewarasan dan melakukan tindakan yang tidak sepatutnya, serta menyebabkan penyakit sosial semakin berleluasa.

Pengurusan hutang berteraskan prinsip maqasid syariah ini dapat membantu masyarakat mengurus kewangan mereka dengan baik, iaitu berbelanja mengikut keutamaan dan kemampuan, serta mengelak daripada sikap boros, membazir dan berbelanja untuk perkara yang tidak berfaedah. Amalan ini akan mewujudkan kestabilan kewangan dan keharmonian dalam hidup bagi seseorang individu, keluarga, masyarakat ataupun negara.

Kesimpulannya, Islam memberikan kebebasan kepada manusia untuk menikmati kehidupan yang wajar dan selesa. Walau bagaimanapun, Islam tidak membenarkan umatnya berhutang semata-mata untuk membeli barangan yang mewah dan tidak perlu, serta melampaui batas. Meskipun banyak perkara yang diinginkan dalam hidup, namun kita haruslah bijak mengurus kewangan harian dengan membezakan antara berhutang untuk keperluan dengan berhutang untuk kemahuan. Hal ini akan mengelakkan seseorang itu daripada bersifat boros yang boleh mengundang masalah kewangan yang serius kepada si penghutang. DTI